

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA
SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1979

Tuan,

PEMBAYARAN TUNGGAKAN DI BAWAH TANGGAGAJI BERSIH BAHARU
KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI TETAP YANG MEMILIHTERIMA OPSYEN
TANGGAGAJI DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN DI BAWAH
LAPURAN JAWATANKUASA KABINET

Perlaksanaan Tanggagaji Bersih Baharu

1.1. Pegawai-pegawai tetap dalam perkhidmatan awam yang telah memilihterima opsyen untuk berpindah ke tanggagaji bersih baharu di bawah Lapuran Jawatankuasa Kabinet adalah layak menerima tunggakan gaji mulai daripada 1-7-76 atau mulai dari tarikh perlantikan selepas tarikh tersebut.

1.2. Menurut *Pekeliling-pekeliing Perkhidmatan bagi perlaksanaan penyemakan gaji di bawah Lapuran Jawatankuasa Kabinet, tawaran opsyen tidak dikeluarkan kepada pegawai-pegawai tetap yang *telah meninggalkan perkhidmatan atau meletakkan jawatan atas sebarang apa sebab atau dibuang kerja atas sebab tindakan tatatertib* selepas daripada 1-1-76. Hakikatnya pegawai-pegawai tetap yang telah berhenti daripada memegang jawatan dalam perkhidmatan awam pada tarikh penawaran tanggagaji bersih baharu dan syarat-syarat perkhidmatan mengikut Lapuran Jawatankuasa Kabinet tidak diberikan apa-apa faedah di bawah penyemakan gaji yang dilaksanakan kecuali pegawai-pegawai yang telah bersara atau yang telah meninggal dunia sejak mana-mana tarikh selepas daripada 1-1-76.

1.3 Pengeluaran tawaran opsyen pula ditangguhkan kepada pegawai-pegawai tetap yang tertakluk di bawah tahanan kerja, penggantungan kerja menurut peraturan-peraturan di bawah Perintah Am Bab "D" dan kepada pegawai-pegawai tetap yang tertakluk dibawah perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi atau sesuatu sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya di bawah mana-mana undang-undang berkaitan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri atau perlindungan bagi wanita dan gadis. Pegawai-pegawai tetap dalam golongan yang diperihalkan dalam perenggan kecil ini mempunyai kelayakan untuk menikmati faedah-faedah dan tanggagaji dalam penyemakan gaji yang dilaksanakan itu tertakluk kepada sebarang keputusan terhadap perkhidmatannya apabila diambil.

1.4. Peraturan pemindahan ke tanggagaji bersih baharu itu adalah berlandaskan kepada *gaji hakiki sekarang* (kadar yang diterima ketika opsyen dikeluarkan) untuk dipindahkan terlebih dahulu kepada tanggagaji Suruhanjaya Gaji Harun bagi badan-badan berkanun untuk jawatan yang berkenaan. Penyelarasan kepada tanggagaji bersih Suruhanjaya Gaji Harun itu bergantung kepada gred dan tanggagaji yang sedang dinikmati dari tarikh lantikan atau tarikh kenaikan pangkat atau tarikh perubahan gaji yang mana berkenaan, jika ada, daripada 1-5-69 atau daripada 1-1-70, bergantung kepada kumpulan pekerjaan pada masa itu.

2. Anomali tunggakan Gaji

2.1 Tuntutan anomali telah diterima oleh Bahagian Perundingan, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai bayaran tunggakan gaji yang melibati pegawai tetap

yang bertukarlantikan, dengan kelulusan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dari satu sekim perkhidmatan ke satu sekim perkhidmatan yang lain melibati pertukaran dari satu Jabatan Kerajaan ke Jabatan yang lain di mana perkhidmatan pegawai berkenaan berterusan tanpa terputus tempohnya (without a break in service) . Bukti didapati bahawa pegawai yang bertukarlantikan itu telah memberi notis perletakan jawatan sebelum mengambil jawatan baru di Jabatan mana ia telah menerima tawaran opsyen untuk berpindah ke tanggagaji bersih baharu. Jabatan yang mengeluarkan tawaran opsyen itu hanya mengira dan membayar tunggakan gaji daripada tarikh pegawai berkenaan melaporkan diri menyandang jawatan baru di pejabatnya.

2.2 Walau apapun tujuan notis perletakan jawatan oleh pegawai berkenaan itu pembayaran tunggakan gaji daripada tarikh bertukarlantikan yang berlaku telah merupakan anomali dalam perlaksanaan pemindahan tanggagaji bersih baharu apabila pegawai berkenaan berada di dalam perkhidmatan sepanjang masa tanpa terputus meliputi tarikh 1-1-76 hingga 1-7-77. Anomali itu perlu

dibetulkan dengan membuat tambahan bayaran tunggakan gaji untuk meliputi tempoh dari 1-1-76 hingga sehari sebelum pegawai itu melaporkan diri dalam jawatannya yang baru .

3. Tafsiran Meninggalkan Perkhidmatan dan Perletakan Jawatan

3.1 Kejadian yang berlaku ini berpunca daripada tafsiran yang diberikan kepada perkataan "meninggalkan perkhidmatan " dan "perletakan jawatan". Perletakan jawatan adalah dilakukan dengan cara memberi notis mengikut tempoh yang ditetapkan ataupun membayar sebulan gaji menggantikan notis dan penyandang mengosongkan jawatannya selepas tempoh notis atau membuat sebulan bayaran sebulan gaji menggantikan notis. Untuk mengelakkan tafsiran yang salah, perkataan. "meninggalkan perkhidmatan" dan "Perletakan jawatan" itu hendaklah bermakna, dari segi penyandang jawatan, tempoh perkhidmatannya terputus kerana berhenti memegang jawatan pada suatu tarikh pegawai atau pekerja itu tidak berada di pejabat atau tidak menjalankan tugas pada hari berikutnya.

3.2 Pembuangan kerja di bawah peraturan tatatertib mempunyai hakikat meninggalkan perkhidmatan.

3.3 Walau bagaimanapun, pertukaran (transfer), pinjaman (secondment), pertukaran sementara (temporary transfer) tidak bermakna meninggalkan perkhidmatan.

4. Tambahan Bayaran Tunggakan

4.1 Di mana pegawai-pegawai tetap telah memilih tanggungaji bersih baharu dan berada dalam perkhidmatan pada tarikh kuatkuasa opsyen, tunggakan gaji sepenuhnya hendaklah dibayar bagi tempoh 1-7-76 hingga 30-6-77 dalam keadaan seperti berikut:

- (i) Seseorang pegawai atau pekerja itu masih berkhidmat pada 1-7-77;
- (ii) Perkhidmatan itu berterusan tanpa gangguan (break) meliputi tarikh 1- 1-76 hingga 30-6-77 walaupun bertukaran lantikan dari satu sekim perkhidmatan yang lain dalam tempoh tersebut;
- (iii) Pegawai itu masih terus berkhidmat dalam sektor awam.

4.2. Agensi yang mengeluarkan tawaran opsyen dan membayar tunggakan gaji adalah pejabat yang bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran tunggakan gaji tambahan yang terlibat di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

4.3 Cara mengira tunggakan gaji tambahan yang terlibat tidak berubah dari peraturan-peraturan di bawah Pekeliling-pekelling Perkhidmatan yang berkenaan berpandukan kepada Buku Panduan Pernindahan Gaji. Walau bagaimanapun, perkiraan itu tidak boleh digunakan untuk memberi kuasa bagi mengubah matagaji permulaan dalam pertukaran lantikan yang terlibat.

4.4 Adalah ditegaskan bahawa kelulusan pembayaran tunggakan gaji mengikut Surat Pekeliling ini tidak mengikat pihak berkuasa pencen yang mengambil keputusan yang sewajarnya terhadap mana-mana rayuan kepada tempoh perkhidmatan lepas yang terlibat.

4.5 Sebagai peringatan pegawai-pegawai yang telah meletakkan jawatan atau meninggalkan jawatannya dalam sektor awam selepas 1-1-76 tetapi sebelum penerimaan opsyen untuk berhenti kerja atau bekerja sendiri atau untuk berkhidmat dalam sektor swasta tidak layak dibayar sebarang tunggakan gaji baru.

5.

Perlanjutan

Peruntukan

5.1 Dengan penjelasan yang diberikan di atas, adalah diharap Ketua-ketua Setiausaha Kementerian/Ketua-ketua Jabatan-jabatan, Yang Berhormat-Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri akan menyemak kes-kes yang terlibat dan membuat bayaran tunggakan tambahan kepada pegawai-pegawai yang layak menerimanya.

5.2 Walaupun penyemakan gaji bagi Anggota Pasukan Polis di Raja Malaysia diluluskan berasingan, keadaan yang timbul seperti yang dihuraikan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bolehlah diberi faedah.

5.3 Sekiranya terdapat sebarang keraguan atau masalah, diharap dapat berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk penjelasan dan keterangan selanjutnya.

[*Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#)

[Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977](#)

[Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977](#)

[Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978](#)

[Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 1978](#)

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

NIK MUSA BIN NIK ABDULLAH,
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

28hb Jun, 1979

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak.